



**BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Galeria PjH, Aras 6, Jalan P4W  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel : 03-88919000

Ruj. Kami : JPPKK.BIPD.600-11/2/1. Jld 20 (1)  
Tarikh : 7 Oktober 2021  
30 Safar 1443H

**PENGARAH POLITEKNIK  
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI**

YBrs.Dr./Ts/Tuan/Puan,

**EDARAN MAKLUMAN TATACARA PERMOHONAN KURIKULUM BAGI TUJUAN  
PINDAHAN KREDIT PELAJAR LULUSAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengeluarkan Tatacara Permohonan Kurikulum Bagi Tujuan Pindahan Kredit Pelajar Lulusan Politeknik dan Kolej Komuniti yang perlu dipatuhi oleh pelajar yang terlibat.
3. Bersama-sama ini dilampirkan tatacara tersebut (*seperti Lampiran 1*) untuk rujukan dan tindakan pihak YBrs.Dr./Ts/Tuan/Puan serta hebahan di setiap institusi. Untuk makluman juga, tatacara tersebut boleh dicapai melalui pautan sesawang <http://cidos.edu.my/dashboard/download>.
4. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak YBrs.Dr./Ts/Tuan/Puan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOOR AZIZAN BIN ITAM)**

Pengarah  
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Galeria PjH, Aras 4-7, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 W.P. PUTRAJAYA, MALAYSIA

---

**TATACARA PERMOHONAN KURIKULUM BAGI TUJUAN PINDAHAN KREDIT YANG  
PERLU DIPATUHI OLEH LULUSAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Pemohon perlu mengemukakan maklumat-maklumat seperti berikut :

1. **Surat rasmi permohonan kurikulum bagi tujuan pindahan kredit (sila sertakan nama penuh, nombor matrik, alamat terkini, nombor telefon dan emel);**
2. **Transkrip akademik diploma/ sijil daripada Politeknik/ Kolej Komuniti (setiap semester);**
3. **Kod dan nama kursus yang dipohon untuk tujuan proses pengeluaran kurikulum yang berkaitan sahaja; dan**
4. **Surat tawaran kemasukan ke IPTA/IPTS atau mana-mana institusi-institusi berkaitan.**

Pemohon boleh menghantar permohonan yang lengkap berdasarkan maklumat yang disenaraikan di atas sama ada secara bertulis atau emel ke alamat email yang diberikan.

Permohonan secara bertulis hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan menulis "**PERMOHONAN PINDAHAN KREDIT**" di penjuru sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengarah  
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital,  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,  
Galeria PjH, Aras 6, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100, PUTRAJAYA.**

Manakala bagi permohonan melalui emel, dokumen dengan maklumat yang lengkap boleh diemail ke alamat email: [syllabusjpp@gmail.com](mailto:syllabusjpp@gmail.com)

Semua permohonan yang lengkap diterima akan diproses di dalam tempoh **5 hari** bekerja dan maklumbalas akan diberikan melalui alamat email yang disertakan seperti di dalam surat permohonan.